

PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH PELAJAR MISKIN (KWAPM) DAN BEBAN TUGAS GURU

*Baizura Mohd Zainon & Suhaida Abd Kadir
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia*

Abstrak:

Kertas kerja ini membincangkan pengurusan bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) dan beban tugas guru yang dilantik untuk menguruskannya. Bagi tugas yang diarahkan selain daripada tugas hakiki guru iaitu pengajaran dan pembelajaran, isu beban tugas bukanlah perkara yang baharu. Dalam hal ini, kompleksiti sesuatu tugas yang diarahkan boleh menyumbang kepada keadaan di mana guru merasa terbeban. Daripada Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2009 yang dijalankan terhadap pengurusan bantuan KWAPM, didapati teguran-teguran yang dibuat adalah meliputi bidang tugas dan tanggungjawab guru yang dilantik menguruskan bantuan ini di sekolah. Secara tidak langsung, ia menggambarkan berkemungkinan guru yang dilantik merasakan tugas tersebut sebagai suatu bebanan dan tidak dapat melaksanakannya mengikut peraturan yang berkuatkuasa. Oleh yang demikian, dengan menggunakan teori Person-Environment Fit, kertas ini melihat kepada dua aspek yang dirasakan penting bagi mengelakkan guru merasa terbeban iaitu kompetensi guru yang dilantik serta sokongan yang diberikan oleh pihak pentadbir.

Pengenalan

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengenalpasti bahawa antara faktor keciciran di kalangan murid sekolah ialah disebabkan oleh faktor kemiskinan (BPPDP, 2002). Dapatan tersebut telah mewajarkan Kerajaan melalui KPM untuk mengadakan program intervensi bantuan sokongan melalui satu dana khas bagi membolehkan murid dari kalangan keluarga miskin diberikan bantuan dengan tujuan mengelakkan murid tersebut daripada tercicir. Sehubungan itu, satu tabung yang dinamakan Tabung KWAPM ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Acara Kewangan yang mana Surat Ikatan Amanah berkaitan telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 23 April 2003. Selaras dengan penubuhan tabung KWAPM ini, KPM juga turut melaksanakan Dasar Pendidikan Wajib di bawah Seksyen 29A, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) mulai Januari 2003 yang mewajibkan ibu bapa menghantar anak bersekolah mulai Tahun 1 Sekolah Rendah (KPM, 2003).

Secara tidak langsung, bantuan KWAPM dapat membantu ibu bapa yang tidak berkemampuan menghantar anak mereka ke sekolah dengan memberi bantuan secukupnya kepada murid miskin yang dikenalpasti dan seterusnya menjana kecemerlangan pendidikan mereka. Selain itu juga, bantuan ini turut disalurkan kepada murid yang terlibat dalam kes-kes kecemasan seperti bencana alam, kematian ibu atau bapa dan lain-lain yang menyebabkan punca pendapatan keluarga terjejas.

Pengurusan Bantuan KWAPM

Pada awal pelaksanaannya, bantuan KWAPM diberikan kepada murid yang layak meliputi yuran persekolahan, pakaian seragam sekolah, peralatan sekolah dan bantuan am berjumlah sehingga RM2,200 setahun. Pada tahun 2006, satu kajian semula telah dibuat ke atas jenis bantuan dan murid hanya diberi Bantuan Am dan Bantuan Persekolahan mengikut kadar sehingga RM500 setahun bagi sekolah Rendah dan sehingga RM700 setahun bagi sekolah menengah. Mulai tahun 2007 pula, kadar bantuan telah dinaikkan sehingga RM700 bagi sekolah rendah dan sehingga RM900 bagi sekolah menengah. Bermula tahun 2008, Bantuan Persekolahan telah dipinda nama kepada Bantuan Am Persekolahan (BAP) manakala Bantuan Am dipinda nama kepada Bantuan Bulanan (BB). BB diberikan dalam tempoh sepuluh bulan sahaja. Kadar terkini pemberian bantuan KWAPM berdasarkan Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 5 Tahun 2012 adalah seperti jadual berikut:



JENIS/STATUS	BAP (RM)	BB (RM)	JUMLAH (RM)
e-Kasih & e-Damak (Miskin)	Sek Ren = 200 Sek Men= 300	Sek Ren = 250 (RM25x10 bulan) Sek Men = 300 (RM30x10 bulan)	Sek Ren = 450 Sek Men = 600
e-Kasih & e-Damak (Miskin Tegar)	Sek Ren = 200 Sek Men= 300	Sek Ren = 500 (RM50x10 bulan) Sek Men = 600 (RM60x10 bulan)	Sek Ren = 700 Sek Men = 900
Data Sedia Ada	Sek Ren = 200 Sek Men= 300	-	Sek Ren = 200 Sek Men= 300
* Nota: i) BAP meliputi pakaian seragam sekolah, peralatan sekolah dan lain-lain keperluan persekolahan murid; ii) BB meliputi wang saku dan lain-lain perbelanjaan harian murid; dan iii) jumlah amaun bagi BB adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan Tabung KWAPM.			

Sejak tahun 2009, bantuan KWAPM diberikan kepada murid yang namanya tersenarai dalam tiga jenis data iaitu data e-Kasih (ditadbirkan oleh Jabatan Perdana Menteri), data e-Damak (ditadbir oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli) dan juga data sedia ada iaitu melalui permohonan yang dibuat oleh pihak sekolah. Penggunaan tiga jenis data ini selaras dengan keputusan kerajaan melalui Mesyuarat Focus Group Mengenai Pembasmian Kemiskinan Bilangan 1 Tahun 2010 dan Mesyuarat Pengemaskinian Data Bagi Pembayaran Bantuan Persekolahan 2011 Bilangan 1 Tahun 2010 untuk menggunakan sistem e-Kasih dan e-Damak dalam pemberian bantuan kepada rakyat yang memerlukan.

Pengurusan bantuan KWAPM di peringkat Kementerian ialah melalui Jawatankuasa KWAPM yang ditubuhkan seperti kehendak Surat Ikatan Amanah yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPM dan dianggotai 9 ahli tetap. Di peringkat sekolah pula, Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Peringkat Sekolah diwujudkan dan dipengerusikan oleh Guru Besar atau Pengetua serta dianggotai oleh pihak sekolah dan sekurang-kurangnya dua orang wakil bukan guru daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Daripada semasa ke semasa, KPM telah mengeluarkan pekeliling sebagai panduan dalam menguruskan bantuan KWAPM ini. Pekeliling yang telah dikeluarkan adalah Pekeliling Biasiswa Bilangan 1 Tahun 2006-Pemberian Bantuan Murid Di Bawah Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, Surat Pekeliling Biasiswa Bilangan 6 Tahun 2010 dan yang terkini yang berkuatkuasa merupakan Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 5 Tahun 2012.

Selain daripada peruntukan yang diterima daripada Kerajaan, tabung KWAPM turut dibenarkan menerima sumbangan daripada sektor awam, swasta dan orang ramai di samping menikmati hasil daripada keuntungan pelaburan yang dilaburkan dalam simpanan tetap bank tempatan. Prestasi perbelanjaan sejak ditubuhkan termasuk jumlah murid yang menerima bantuan ialah seperti jadual berikut:

TAHUN	BILANGAN MURID PENERIMA	PERUNTUKAN DILULUSKAN MOF (RM/JUTA)	JUMLAH SUMBANGAN LUAR (RM/JUTA)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM/JUTA)
2003	30,833	50	7.890	87.70
2004	103,698	200	1.004	124.73
2005	357,310	100	0.079	102.87



2006	545,386	200	0.216	181.58
2007	621,108	200	3.906	326.82
2008	743,019	300	2.391	406.622
2009	821,395	400	0.255	385.302
2010	631,080	400	2.584	160.174
2011	806,724	200	0.504	203.367
2012	870,689	200	0.509	213.108
JUMLAH		2,250	19.338	2,192.273

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2009

Berdasarkan jumlah peruntukan yang sangat tinggi yang diberikan oleh Kerajaan untuk bantuan KWAPM, pihak KPM sewajarnya menguruskan bantuan ini dengan teratur dan teliti bagi menjamin penubuhan Tabung KWAPM mencapai matlamat asalnya. Pada tahun 2009, bantuan KWAPM telah diaudit oleh Ketua Audit Negara. Pelaksanaan audit ini menunjukkan bahawa Kerajaan memandang serius akan pengurusan wang yang diperuntukkan bagi aktiviti bantuan murid ini bagi mengelakkan berlakunya berterusan salah tadbir urus kewangan, penyelewengan ataupun kecuaiian. Hasil Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2009 tersebut, pelbagai perkara yang melibatkan salah tadbir serta salah urus bantuan KWAPM ini dikenalpasti berdasarkan siasatan yang dijalankan di 45 buah sekolah dari empat buah negeri iaitu Selangor, Kelantan, Pahang dan Sarawak.

Antara penemuan yang dilaporkan adalah melibatkan proses permohonan KWAPM, pengurusan bayaran KWAPM, pemulangan wang lebih KWAPM dan aduan kehilangan dan penyelewengan wang KWAPM. Penemuan ini secara tidak langsung telah memberi gambaran kasar bahawa pengurusan bantuan KWAPM di peringkat sekolah adalah tidak menepati tujuan asal penubuhan serta tidak mematuhi pekeliling yang berkuatkuasa. Kelewatan membayar bantuan kepada murid telah membantut hasrat Kerajaan untuk membantu penerima bantuan KWAPM terutamanya membeli keperluan sekolah sebelum sesi persekolahan bermula. Di tambahan pula, kelemahan dalam proses permohonan bantuan dan peranan Jawatankuasa Pengurusan Bantuan peringkat sekolah telah menyebabkan murid yang layak tidak diberi bantuan manakala yang tidak layak mendapat bantuan. Di samping itu, kelemahan pengurusan rekod kewangan dan rekod KWAPM disebabkan oleh kekurangan Pembantu Tadbir dan latihan secukupnya kepada guru KWAPM menyebabkan ketepatan rekod-rekod bayaran dan pulangan wang lebih tidak dapat disahkan.

Beban Tugas Guru KWAPM

Berdasarkan rumusan yang dibuat dalam LKAN tersebut, kebanyakan perkara yang dilaporkan berkait rapat dengan bidang tugas guru KWAPM di sekolah. Secara umumnya, guru yang dilantik menguruskan KWAPM adalah bertanggungjawab menguruskan daripada awal proses permohonan murid, iaitu mengenalpasti murid yang layak dicalonkan menerima bantuan berdasarkan data pendapatan keluarga dalam Sistem Maklumat Murid (SMM), mengedar dan mengumpul borang permohonan, mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Bantuan Peringkat Sekolah untuk mendapatkan persetujuan sebelum nama murid dicalonkan kepada pihak Kementerian untuk kelulusan sehinggalah kepada proses terimaan, bayaran kepada murid serta laporan semula kepada peringkat Kementerian. Walaupun pada dasarnya urusan kewangan seperti



terimaan peruntukan, perakaunan dan rekod kewangan dilaksanakan oleh Pembantu Tadbir di pejabat, namun perkara ini haruslah diselia oleh guru KWAPM yang dipertanggungjawabkan.

Pada masa kini, pelantikan guru KWAPM di sekolah tidak mempunyai sebarang spesifikasi atau kriteria tertentu. Ia merupakan satu jawatan yang diberikan kepada guru untuk dipikul selain daripada tugas hakiki mereka iaitu pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, ia mungkin menyebabkan guru yang dilantik merasa terbeban dengan tugas tersebut. Ross dan Altmaier (1994) membahagikan beban tugas kepada dua jenis iaitu beban kerja kuantitatif dan beban kerja kualitatif. Beban kerja kuantitatif ialah situasi di mana guru berasa mereka mempunyai tugas yang banyak untuk disiapkan dan mempunyai masa yang kurang untuk menyiapkan tugas tersebut. Beban tugas kualitatif pula digambarkan sebagai keadaan di mana guru berasa usaha serta kemahiran atau kepakaran yang mereka ada tidak mencukupi untuk menyelesaikan sesuatu tugasan yang diarahkan.

Dalam pengurusan bantuan KWAPM ini, guru KWAPM bukan sahaja perlu menguruskan bantuan kepada murid berdasarkan sumber data sedia ada iaitu melalui permohonan oleh pihak sekolah ke Kementerian sahaja, malah guru juga perlu menguruskan bayaran dan laporan bagi murid di sekolah yang nama mereka berada dalam data e-Kasih atau e-Damak. Proses kerja pengurusan yang panjang dan melibatkan data, sistem dan maklumat daripada pelbagai pihak boleh menjadi satu beban kerja kuantitatif kepada guru KWAPM yang diberikan jumlah waktu mengajar yang banyak seperti melebihi 20 waktu seminggu. Ia juga boleh menjadi beban tugas kualitatif bagi guru baru yang dilantik ke dalam profesion keguruan dan diarahkan memegang jawatan sebagai guru KWAPM memandangkan mereka memerlukan masa untuk mempelajari selok belok pengurusan bantuan ini daripada segi pentadbiran serta kewangan kerana pengurusan kewangan merupakan sesuatu yang kompleks dan harus dipatuhi tanpa pengecualian.

Kyriacou dan Sutcliffe (1977) berpendapat bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi ekspektasi terhadap guru yang boleh menyebabkan berasa terbeban dan tertekan iaitu:

- (i) Tahap konflik peranan dan kesamaan peranan yang terlibat
- (ii) Tahap anggapan guru yang menganggap dirinya tidak berdaya memenuhi permintaan yang dibuat ke atasnya
- (iii) Tahap keupayaan guru memenuhi permintaan yang dibuat ke atasnya terjejas akibat daripada keadaan bekerja yang kurang baik
- (iv) Tahap sesuatu permintaan bagi kaedah terbaru atau kurang biasa dengan sebarang perubahan; dan
- (v) Tahap tekanan yang sememangnya dialami oleh guru yang berpunca daripada sesuatu di luar peranannya sebagai guru

Melalui teori Person-Environment Fit, Schneider (1987) menyatakan bahawa faktor persekitaran dan kebolehan seseorang individu perlu diambilkira dalam kebanyakan model pemilihan kakitangan, di mana paradigma yang diterima umum adalah untuk menganalisis kehendak kerja, menentukan kebolehan yang diperlukan untuk memenuhi permintaan kerja tersebut dan mengupah individu yang sesuai dan berkebolehan. Dalam konteks ini, kebolehan atau kompetensi seseorang guru dalam menguruskan sesuatu kerja yang diarahkan dapat mengelakkan guru tersebut merasa terbeban atau tertekan dengan kerja tersebut. Oleh yang demikian, dalam pelantikan seseorang guru untuk menguruskan sesuatu perkara, pihak pentadbir seharusnya melihat kepada kebolehan atau kompetensi guru yang terlibat agar bersesuaian dengan bentuk tugas yang diberikan.

Kamarul Zaman Ahmad (2010) yang mengkaji personaliti 'superior' atau ketua sebagai faktor 'environment' dalam teori Person-Environment Fit pula berpandangan bahawa kesesuaian hubungan di antara pentadbir dan pekerja akan dapat menghasilkan kepuasan bekerja yang tinggi. Dalam erti kata lain, guru akan merasa berpuas hati dengan tugas yang dilaksanakan dan tidak merasakan ia sebagai satu bebanan. Ini menunjukkan bahawa personaliti pentadbir yang bersikap positif dan sering memberi sokongan serta galakan juga akan menjadi satu faktor yang dapat mengelakkan guru daripada merasa terbeban dalam melaksanakan tugas.



Hasil kajian daripada Hall (1986) dalam Zainuddin (2010) menunjukkan bahawa apabila ada sokongan daripada pihak pengetua dalam bentuk membantu guru mengenalpasti keperluan mereka dan memberikan kerjasama untuk mencapai keperluan tersebut membuktikan majoriti guru menunjukkan peningkatan dalam pengetahuan, kemahiran, komunikasi dan penglibatan menjalankan aktiviti di sekolah. Perkara ini merupakan sesuatu yang positif dan menjadi salah satu faktor yang membantu mengelakkan guru daripada rasa terbeban dan tertekan.

Rumusan

Secara amnya, proses kerja dalam menguruskan bantuan KWAPM ini merupakan sesuatu yang agak kompleks kerana melibatkan pengurusan kewangan, pengurusan data dan juga hal pentadbiran. Di samping itu juga, guru yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan bantuan ini perlu mahir dalam penggunaan beberapa aplikasi sistem dan komputer.

Beban tugas bukanlah sesuatu isu yang baru bagi tugas yang diarahkan selain daripada tugas hakiki guru iaitu pengajaran dan pembelajaran. Bagi guru yang dilantik sebagai guru KWAPM, faktor kebolehan atau kompetensi adalah sesuatu yang amat penting bagi memastikan tugas yang dipikul dapat dilaksanakan dengan sempurna tanpa ada rasa terbeban. Faktor pengalaman guru mungkin dapat membantu menyumbang ke arah kompetensi yang tinggi, namun bagi guru yang baru memulakan tugas atau guru yang kurang pengalaman, pentadbir boleh menyediakan latihan yang secukupnya dalam hal pengurusan kewangan, maklumat serta pentadbiran bagi membantu mereka.

Bentuk sokongan daripada pentadbir juga adalah penting dalam menangani masalah guru KWAPM yang merasa terbeban dengan tugas yang diberi. Sokongan yang dizahirkan dengan positif akan dapat membantu guru melaksanakan tugas dengan lebih baik dan berkesan.

Rujukan

- Bahagian Kewangan (2013). *Taklimat KWAPM 2013*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (2002). *Kajian Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Caplan, R.D. (2011). *Person-Environment Fit*. ILO Encyclopedia of Occupational Health and Safety.
- Kamarul Zaman Ahmad (2010). Person-Environment Fit: A Critical Review of the Previous Studies and a Proposal for Future Research. *International Journal of Psychological Studies*, 2(1)
- Kyriacou, C. And Sutcliffe, J. (1977). Teacher Stress: A Review. *Educational Review*, 29, 299-306
- Laporan Ketua Audit Negara 2009 mengenai Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin.
- Ros, RR. and Altmaier, EM. (1994). *Intervention In Occupational Stress; A Handbook of Counselling for Stress*. London: SAGE Publication.
- Schneider, B. (1987). E = f(P,B): The road to a radical approach to person-environment fit. *Journal of Vocational Behavior*, 31, 353-361.
- Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 5 Tahun 2012. *Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Zainudin Ahmad dan Rosini Abu (2010). Hubungan Pengurusan Bengkel Kemahiran Hidup Bersepadu Dengan Persepsi Guru Terhadap Sokongan Pihak Pentadbir Sekolah. *Jurnal Pendidikan Teknik dan Vokasional Malaysia*, 1(1):61-79

